

# Analisis Pelaksanaan Prosiding Saman Penghutang Penghakiman dalam Penguatkuasaan Perintah Pembayaran Nafkah: Kajian Kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor

(Analysis on Enforcement of Judgement Debtor Summon in Maintenance Order:  
A Case Study at Selangor Syariah Court)

ZAINI NASOHAH  
SUWAID TAPAH

## ABSTRAK

*Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang ada kini memperuntukkan beberapa kaedah bagi penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah bagi pembayaran wang termasuk nafkah. Antara kaedah tersebut adalah Saman Penghutang Penghakiman. Pada asasnya, Saman Penghutang Penghakiman bertujuan untuk memaksa penghutang penghakiman hadir ke mahkamah bagi tujuan pemeriksaan. Penghutang penghakiman akan diperiksa secara lisan tentang keupayaannya menyelesaikan hutang penghakiman. Pemeriksaan juga bertujuan mendapatkan apa-apa harta yang boleh digunakan bagi pembayaran hutang. Ringkasnya, matlamat utama pemeriksaan ialah untuk mencari jalan yang terbaik tentang cara manakah suatu penghakiman itu boleh dilaksanakan ke atas penghutang penghakiman. Artikel ini menganalisa perkara-perkara tersebut di atas dari sudut teori dan pelaksanaannya. Ia bertujuan untuk menilai kekuatan dan kelemahan pelaksanaan prosedur berkenaan. Hasil analisa mendapati keberkesanan pelaksanaan prosiding ini banyak melibatkan budibicara hakim. Untuk itu, pihak-pihak bertikai hendaklah telus dalam memberi sebarang keterangan agar kuasa budibicara hakim dapat digunakan secara adil.*

*Kata kunci: Tatacara Mal Mahkamah Syariah, penguatkuasaan dan pelaksanaan, perintah pembayaran nafkah, Saman Penghutang Penghakiman, budibicara hakim*

## ABSTRACT

*Shariah Court Civil Procedure Enactment has several procedures of enforcement and execution of payment order including maintenance. Among the procedures is Judgement Debtor Summon. Basically, Judgment Debtor Summon aims to insist the presence of judgment debtor in court for examination. Judgment debtor will undergo oral examination to determine his capacity to adhere his judgment debtor. This examination also aims to discover the existence of any assets that could be used to settle the debt. Briefly, the main objective of the examination is to identify the appropriate solution in implementing the judgement debtor. This article will analyse this matter based on theory and practice. It also aims to examine the advantages and disadvantages of the implementation of the procedure. The outcome of the analysis shows that the effectiveness of implementation of the proceeding is based on the judges' discretionary powers. Therefore, disputed parties should be transparent in giving any evidence to ensure the judges discretionary powers could be practiced justly.*

*Keywords: Shariah Court Civil Procedure, enforcement and execution, maintenance payment order, Judgment Debtor Summon, judges' discretionary powers*

## PENDAHULUAN

Perintah dari segi pengertiannya merupakan suatu arahan yang digunakan dalam undang-undang dengan dirujukkan khusus kepada mahkamah keadilan. Ia adalah arahan-arahan yang dibuat di mahkamah dalam sesuatu prosiding atau hal, selain suatu dekri penghakiman.<sup>1</sup> Dengan lain perkataan, perintah ialah apa-apa arahan oleh mana-mana penghakiman supaya melakukan

atau meninggalkan apa-apa perbuatan. Perintah atau penghakiman mahkamah hakikatnya merupakan suatu arahan rasmi daripada mahkamah yang memberikan keputusan atau hukuman dari sesuatu perbicaraan atau permohonan oleh mana-mana pihak. Ia merupakan dokumen rasmi dan wajib dipatuhi oleh pihak yang dirujuk di dalam perintah atau penghakiman tersebut.

Dari sudut prosedur,<sup>2</sup> sekiranya sesuatu perintah itu tidak dipatuhi, maka pihak yang bercadang untuk

menguatkuasakan perintah berkenaan mestilah memulakan prosiding<sup>3</sup> dengan membuat permohonan kepada mahkamah untuk menguatkuasakannya. Oleh kerana itu, peringkat penguatkuasaan dan pelaksanaan ini dari segi kedudukannya merupakan suatu prosiding pasca penghakiman.

Berdasarkan laporan kes mal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor untuk tahun 1999 hingga tahun 2004 (Jadual 1), sebanyak 1180 kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah telah didaftarkan. Daripada jumlah itu, 493 adalah kes kuatkuasa perintah, 181 kes pelaksanaan perintah, 436 kes perintah memenjara dan penghinaan mahkamah, manakala bakinya sebanyak 70 kes melibatkan prosiding Saman Penghutang Penghakiman.<sup>4</sup> Ini bermakna bahawa sememangnya banyak kes berhubung nafkah yang memerlukan tindakan susulan agar ianya dipatuhi meskipun perintah awal menerusi penghakiman telah

dikeluarkan mahkamah. Tanpa tindakan-tindakan susulan, perintah-perintah tersebut tidak membawa apa-apa faedah kepada pihak yang membuat tuntutan.

Analisa yang dibuat seterusnya juga menunjukkan bahawa peratusan bilangan kes yang perlu kepada tindakan susulan berbanding keseluruhan kes nafkah adalah besar. Jadual 2 di bawah menunjukkan, pada tahun 1999, peratus bilangan kes permohonan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah (PP) berbanding keseluruhan kes nafkah ialah 70.87%. Ia kemudiannya menurun kepada 62.02% pada tahun 2000. Pada tahun 2001 pula, peratusnya meningkat kembali kepada 74.50%. Walau bagaimanapun, peratusan berkenaan semakin turun dari tahun 2002 hinggalah tahun 2004 iaitu 63.27 % pada tahun 2002, 53.98% pada tahun 2003 dan 49.78% pada tahun 2004. Meskipun ada sedikit penurunan, jumlahnya masih hampir mencecah 50 peratus.

JADUAL 1. Bilangan Kes Permohonan Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Negeri Selangor (1999 - 2004)

Kes	Tahun						JUMLAH
	1999	2000	2001	2002	2003	2004	
Kuatkuasa Perintah <sup>5</sup>	58	110	92	92	74	67	493
Pelaksanaan Perintah <sup>6</sup>	9	14	35	48	43	32	181
Perintah Memenjara/ Penghinaan Mahkamah <sup>7</sup>	23	72	98	96	79	68	436
Saman Penghutang Penghakiman <sup>8</sup>	-	-	-	-	14	56	70
<b>JUMLAH</b>	90	196	225	236	210	223	1180

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor

JADUAL 2. Bilangan Kes Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Berbanding Keseluruhan Kes Nafkah (1999 -2004)

Tahun	Kes Nafkah Yang Ada Perintah Mahkamah	Kes Penguatkuasaan & Pelaksanaan Perintah Nafkah (PP)	% PP berbanding keseluruhan kes nafkah
1999	127	90	70.87
2000	316	196	62.02
2001	302	225	74.50
2002	373	236	63.27
2003	389	210	53.98
2004	448	223	49.78

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor

## PENGUATKUASAAN PERINTAH DI BAWAH PROSIDING MAL

Penguatkuasaan bagi sesuatu perintah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah boleh menentukan sama ada sesuatu perintah itu mencapai matlamatnya ataupun tidak. Kelancaran dan keberkesanan penguatkuasaan yang dibuat bakal memberi jawapan sama ada pihak yang menuntut akan memperolehi manfaat daripada perintah yang diputuskan mahkamah ataupun sebaliknya. Bukan menjadi suatu rahsia lagi malah sering menjadi masalah bahawa terdapat banyak kes di mana perintah tidak dapat dikuatkuasakan dengan pelbagai sebab. Berdasarkan pemerhatian ke atas fail-fail kes, antara masalah yang paling kerap ialah perintah gagal disampaikan. Bagi perintah yang berjaya disampaikan pula, ia juga mempunyai masalah iaitu perintah masih gagal dipatuhi.

Dalam kes *Nor Shah Rijan bt. Md Yusof v Joko Azmi bin Sanin*<sup>9</sup> misalnya, defendan tidak hadir semasa keputusan dibacakan di mahkamah. Perintah yang kemudiannya diposkan secara Pos Berdaftar ke alamat penyampaian defendan telah dikembalikan tanpa ditandatangani. Demikian juga dalam kes *Siti Milah bt. Ruslan v Supardi bin Kasdi*,<sup>10</sup> perintah mahkamah yang diposkan ke alamat rumah defendan dikembalikan tanpa ditandatangani. Kes *Latifah bt. Jamil v Kamarudin bin Talib*<sup>11</sup> turut mengalami masalah yang serupa iaitu perintah tidak dapat disampaikan. Salinan perintah yang dikirim secara Pos Berdaftar kepada defendan telah dikembalikan tanpa ditandatangani. Dalam kes tersebut, defendan diperintah membayar nafkah 4 orang anak sebanyak RM300, nafkah iddah sebanyak RM900 dan mutaah sebanyak RM1000. Perkara yang sama turut berlaku dalam kes *Nor Saadah bt. Zawawi v Ismail bin Said*.<sup>12</sup> Perintah telah dihantar secara Pos Berdaftar ke alamat tempat tinggal defendan (yang juga tempat tinggal ibu defendan), namun perintah tersebut dikembalikan. Ibu defendan memberi alasan bahawa defendan telah berpindah dan dia tidak tahu alamat baru anaknya itu.

Berdasarkan penelitian terhadap fail-fail kes di seluruh Mahkamah Syariah di negeri Selangor, terdapat banyak lagi kes sedemikian yang akhirnya tergantung begitu sahaja apabila perintah tidak dapat disampaikan.<sup>13</sup> Berhubung hal ini, masalah perintah tidak dapat disampaikan biasanya berpunca sama ada alamat tidak lengkap, defendan berpindah ke alamat lain (sengaja atau tidak sengaja) atau defendan (yang arif sedikit sebanyak tentang undang-undang) sengaja enggan menerima Pos Berdaftar yang ditujukan kepada mereka. Dalam kes-kes sebegini biasanya defendan telah menunjukkan tanda-tanda 'ingkar' untuk mematuhi arahan mahkamah sejak dari awal perbicaraan lagi. Dalam banyak kes yang diamati, defendan hanya hadir sekali sepanjang perbicaraan (iaitu diperingkat sebutan kes) sehinggalah hari keputusan diberikan.<sup>14</sup>

Dalam banyak kes lain pula, defendan tidak pernah hadir langsung ke mahkamah. Kes *Normala bt. Ibrahim v Bahari Bomen*<sup>15</sup> misalnya, walaupun saman telah berjaya disampaikan kepada defendan tetapi defendan telah sengaja enggan hadir semasa kes disebut. Mahkamah pernah mengeluarkan waran tangkap kepada defendan tetapi waran gagal disempurnakan. Defendan terus tidak hadir sehinggalah keputusan kes dikeluarkan setelah plaintif mengemukakan keterangan serta bersumpah.

Dalam kes *Norhasnita bt. Hatta v Nor Mohd Azam bin Md. Ariffin*<sup>16</sup> pula misalnya, perintah berjaya disampaikan tetapi defendan tidak mematuhi perintah yang dikeluarkan mahkamah walaupun ia adalah hasil persetujuan bersama. Dalam kes ini perintah menyebut bahawa defendan dikehendaki membayar nafkah anak RM300 sebulan bermula Julai 2003. Tetapi defendan hanya membayar RM200 dan bayaran juga hanya dibuat pada bulan Julai, Ogos, September dan November 2003. Plaintif telah membuat aduan kepada mahkamah pada Januari 2004.

Begitu juga dalam kes *Rohana bt. Atan v Mohammad bin Shees Ismail*.<sup>17</sup> Mahkamah telah mengeluarkan perintah agar defendan membayar nafkah anak RM1000 sebulan, nafkah iddah RM9000 dan mutaah RM10,000. Perintah telah disampaikan kepada defendan, namun defendan enggan mematuhiya sehinggalah nafkah anak telah tertunggak selama 10 bulan sebanyak RM 10,000. Akhirnya plaintif telah memohon satu perintah untuk penguatkuasaan perintah asal yang bertarikh 14 November 2002.

Dalam kes *Normala bt. Ibrahim v Bahari Bomen*<sup>18</sup> walaupun perintah asal pembayaran nafkah yang bertarikh 13 Julai 1998 berjaya disampaikan, namun defendan enggan mematuhi. Defendan ada membuat bayaran tetapi tidak menentu dan tidak mencukupi jumlah yang sepatutnya. Dalam kes ini, defendan diperintahkan membayar nafkah anak sebanyak RM500 sebulan, nafkah iddah RM1500, bayaran ansuran kereta RM541 sampai habis hutang dan lain-lain bayaran sebanyak RM1500. Plaintif telah memohon penguatkuasaan perintah sebanyak dua kali iaitu pada 21 Disember 2000 dan kemudiannya 21 Disember 2003. Selain itu, notis amaran agar defendan mematuhi perintah telah dikeluarkan sebanyak 6 kali iaitu pada 5 Januari 2002, 18 Oktober 2002, 11 Februari 2003, 22 November 2003, 30 Disember 2003 dan 15 September 2004, namun tidak juga diendahkan oleh defendan. Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga juga tidak dapat dilaksanakan kerana defendan berpindah kerja. Akhirnya alamat defendan gagal di kesan, surat-surat dikembalikan (gagal disampaikan) dan kes ini tergantung begitu sahaja. Dalam kes ini jelas defendan sengaja melarikan diri dari tanggungjawab. Ini kerana jika melihat kepada kerjaya serta kemampuannya sebagai pengarah dan rakan kongsi syarikat, defendan tidak ada masalah untuk melaksanakan perintah yang dikenakan ke atasnya. Kes-kes yang dibawakan di atas merupakan sebahagian kes-kes yang memerlukan tindakan susulan.

Menurut undang-undang sedia ada seperti yang diperuntukkan di dalam Enakmen Tatacara Mal, penguatkuasaan perintah boleh dilakukan menerusi beberapa kaedah bergantung kepada bentuk perintah yang dikeluarkan seperti; sama ada ianya perintah untuk pembayaran wang, perintah bagi pemilikan harta tak alih, perintah bagi penghantar serahan harta alih atau perintah menegah diri dari melakukan sesuatu perbuatan.

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa pilihan<sup>19</sup> yang diperuntukkan di dalam Enakmen Tatacara Mal berhubung tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah. Pilihan-pilihan yang dimaksudkan itu ialah menerusi:

- (1) Seksyen 148- Perintah pembayaran wang
- (2) Seksyen 149 - Perintah pemilikan harta tak alih
- (3) Seksyen 150 - Perintah hantar serah harta alih
- (4) Seksyen 151 - Perintah pengkomitan sebagai pilihan terakhir kepada tindakan di bawah seksyen 148, seksyen 149 dan seksyen 150
- (5) Seksyen 175 - 185- Prosiding Saman Penghutang Penghakiman (SPP)
- (6) Seksyen 229- Perintah pengkomitan kerana menghina mahkamah

#### PELAKSANAAN SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN BAGI KES INKAR PERINTAH NAFKAH

Salah satu tindakan alternatif khusus yang boleh dilaksanakan untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah untuk pembayaran wang ialah menerusi Saman Penghutang Penghakiman.<sup>20</sup> Di dalam Akta dan Enakmen Tatacara Mal ia diperuntukkan menerusi peruntukan khas Saman Penghutang Penghakiman (SPP). Tujuan utama tindakan ini ialah bagi memaksa penghutang penghakiman hadir ke mahkamah untuk pemeriksaan. Penghutang penghakiman akan diperiksa secara lisan tentang keupayaannya membayar atau menyelesaikan hutang penghakiman. Pemeriksaan juga bertujuan mendapatkan apa-apa harta yang boleh digunakan bagi pembayaran hutang. Ringkasnya, tujuan utama pemeriksaan ialah untuk mencari jalan yang terbaik tentang cara manakah suatu penghakiman itu boleh dilaksanakan ke atas penghutang penghakiman.<sup>21</sup>

Persoalan yang akan diutarakan kepada penghutang penghakiman semasa perbicaraan ini adalah berkaitan dengan kedudukan kewangannya secara menyeluruh, hartanya dan lain-lain aktiviti perniagaannya yang difikirkan boleh menyumbang ke arah pelaksanaan suatu penghakiman itu secara berkesan. Ianya juga sebagai satu cara yang adil ke atas penghutang penghakiman dan ahli keluarganya di mana penghutang penghakiman tidak dipaksa membuat sesuatu yang diluar kemampuannya. Ia juga satu jaminan bahawa keluarganya tidak akan

terjejas akibat daripada pelaksanaan penghakiman itu. Di sini, kerjasama pihak-pihak dan ketelitian hakim amat penting. Bagi penghutang penghakiman yang mempunyai majikan misalnya, pemeriksaan sewajarnya dibuat bukan semata-mata bergantung kepada penyata gaji tetapi juga kepada sumber-sumber lain yang boleh membantu memberi maklumat tepat. Hakim perlu juga mempunyai kemahiran tambahan seperti kaedah asas pengiraan potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, potongan cukai berjadual Lembaga Hasil Dalam Negeri (PCB) dan lain-lain bentuk potongan yang lazim terdapat dalam penyata gaji.<sup>22</sup>

Selain daripada bertanyakan hal jumlah pendapatan tetap, jumlah perbelanjaan dan gaji bersihnya, kedudukan kewangan sebenar penghutang boleh dizahirkan dari segi gaya hidupnya yang mewah contohnya, memakai pakaian yang berjenama mahal, memandu kenderaan mewah, duduk di rumah mewah dan sebagainya. Oleh yang demikian, teknik-teknik menyoal perlulah turut merangkumi perkara-perkara yang boleh dilihat atau dinilai secara zahir ini. Dalam keadaan-keadaan tertentu, penghutang penghakiman boleh dikehendaki mengemukakan rekod, dokumen dan apa jua buku untuk disemak dan dijelaskan semasa pemeriksaan itu.<sup>23</sup> Selain itu, penghutang penghakiman dibenarkan untuk melantik peguam. Namun perlantikan peguam syarie hanya bertujuan untuk membantu mahkamah dari segi penzahiran dokumen dan bukan bertindak sebagaimana kes-kes lain.<sup>24</sup>

Keberkesanan sesi pemeriksaan dalam prosedur Saman Penghutang Penghakiman sebenarnya banyak bergantung kepada sejauhmana pihak pemiutang penghakiman mengetahui kedudukan sebenar penghutang penghakiman. Oleh yang demikian, pihak pemiutang penghakiman sedapat mungkin perlu menyelidik atau membuat persediaan awal terlebih awal seperti membuat semakan di Pejabat Tanah berkenaan dengan milikan hartanah, membuat semakan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia berkenaan dengan pegangan saham, membuat semakan dengan bank berkenaan dengan simpanan wang penghutang penghakiman sekiranya ada dan lain-lain lagi.<sup>25</sup>

Suatu Saman Penghutang Penghakiman hendaklah disampaikan kepada penghutang penghakiman sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh pendengaran.<sup>26</sup> Jika penghutang penghakiman hadir pada hari yang ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam saman, maka perbicaraan dijalankan dan mahkamah hendaklah melakukan pemeriksaan tentang keupayaannya untuk menjelaskan penghakiman terhadapnya. Pemeriksaan juga hendaklah dilakukan terhadap saksi-saksi lain sekiranya ada.<sup>27</sup> Selepas itu, perintah sewajarnya hendaklah dibuat.<sup>28</sup>

Namun sekiranya saman itu telah disampaikan tetapi penghutang penghakiman tetap enggan hadir ke mahkamah pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran saman, mahkamah boleh mengeluarkan perintah agar

penghutang penghakiman ditangkap<sup>29</sup> dan dibawa hadir ke mahkamah untuk diperiksa keupayaannya untuk membayar nafkah. Begitupun, Mahkamah tetap boleh mengeluarkan perintah pembayaran sama ada pemeriksaan berjaya dilakukan ataupun tidak. Ertinya, Mahkamah boleh mengeluarkan perintah pembayaran walaupun penghutang penghakiman tidak hadir (termasuk setelah dikeluarkan perintah menangkap) untuk pemeriksaan secara sengaja ataupun tidak. Perintah pembayaran itu dibuat berdasarkan kesesuaian yang difikirkan oleh Mahkamah. Mahkamah boleh mengeluarkan perintah pembayaran sama ada secara sekaligus dengan serta merta atau dalam apa-apa tempoh masa yang sesuai yang ditetapkan Mahkamah, ataupun perintah pembayaran secara beransur-ansur atau ansuran bulanan dalam masa yang ditetapkan oleh Mahkamah, terhadap penghutang penghakiman.<sup>30</sup>

#### KESAN KEGAGALAN MEMATUHI PERINTAH MAHKAMAH DI BAWAH SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN

Sekiranya penghutang penghakiman masih juga ingkar melaksanakan perintah yang dikeluarkan (setelah diperiksa mahkamah tentang keupayaannya dan diperintahkan untuk membuat pembayaran), maka pemiutang penghakiman boleh memohon suatu Notis Penghakiman.<sup>31</sup> Notis ini menghendaki penghutang penghakiman hadir di mahkamah serta memberi tunjuk sebab mengapa penghutang penghakiman berkenaan tidak boleh dipenjarakan kerana keingkaran yang telah dilakukannya.<sup>32</sup> Permohonan untuk mendapatkan Notis Penghakiman hendaklah dibuat di bawah Seksyen 179 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (ETMMS 2003) di dalam Borang MS 44 yang mana ia dibuat secara berikrar di hadapan Pendaftar Mahkamah atau Hakim. Setelah Mahkamah berpuashati, Mahkamah hendaklah mengeluarkan satu Notis Penghakiman sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 180 ETMMS 2003 di dalam Borang MS 45. Notis hendaklah diserahkan kepada penghutang penghakiman tidak kurang daripada tujuh hari sebelum hari pendengaran.

Setakat ini, peruntukan enakmen tidak menyatakan tentang tempoh kecuaiian maksima sebelum suatu tindakan memberi Notis Penghakiman boleh dilakukan.

Namun dari segi amalan, biasanya hakim akan memberi tempoh kecuaiian itu berlaku sehingga maksima dua bulan (dua kali pembayaran nafkah) untuk semua peringkat pembayaran, sebelum Notis Penghakiman boleh diberikan. Jika penghutang penghakiman hadir pada tarikh yang ditetapkan tetapi memberi sebab yang tidak munasabah, maka mahkamah boleh membuat suatu perintah pengkomitan<sup>33</sup> bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 hari ataupun mengubah perintah ansuran asal sebagaimana yang difikirkan adil. Peruntukan berkaitan menyatakan:

- (1) Mahkamah boleh, selepas mendengar penghutang penghakiman yang hadir menurut suatu notis penghakiman di bawah seksyen 180, membuat suatu perintah pengkomitan bagi tempoh yang tidak melebihi tiga puluh hari atau mengubah perintah yang disebut dalam seksyen 178 sebagaimana yang difikirkannya adil.<sup>34</sup>
- (2) Jika suatu perintah pengkomitan dibuat, mahkamah boleh mengarahkan supaya pelaksanaan perintah itu digantung dengan atau tanpa syarat untuk membolehkan penghutang penghakiman membayar amaun yang mengenainya perintah itu dibuat.<sup>35</sup>

la bermakna walaupun suatu perintah pengkomitan telah dikeluarkan, mahkamah masih boleh menggantung pelaksanaannya sama ada dengan syarat atau tanpa syarat. Ia bagi membolehkan penghutang penghakiman membayar amaun yang diperintahkan ke atasnya. Ertinya, kelonggaran masih boleh diberikan kepada penghutang penghakiman. Suatu perintah pengkomitan seseorang penghutang penghakiman di bawah seksyen 181 akan terus berkuatkuasa selama tempoh satu tahun daripada tarikh ia dikeluarkan.<sup>36</sup>

Sekiranya suatu perintah pengkomitan telah dibuat di bawah seksyen 181, penghutang penghakiman pada bila-bila masa boleh membayar jumlah bayaran yang perlu dilunaskannya sepertimana yang dinyatakan di dalam perintah. Pembayaran boleh dibuat kepada bailif. Namun sekiranya penghutang penghakiman telah ditahan di dalam penjara, dia boleh membayarnya kepada pegawai penjara.<sup>37</sup> Dengan pembayaran itu Penghutang Penghakiman akan dilepaskan dari penjara.<sup>38</sup> Rajah 1 menunjukkan ringkasan bagaimana tatacara Saman Penghutang Penghakiman dijalankan:



Dalam kes *Nor Shah Rijan bt. Md Yusop v Joko Azmi bin Sanin*,<sup>39</sup> plaintif antara lain telah memohon nafkah 2 orang anak berumur 5 dan 6 tahun sebanyak RM600 sebulan. Namun mahkamah dalam keputusannya memerintahkan defendan membayar RM400 untuk nafkah 2 orang anak tersebut. Defendan telah tidak hadir semasa keputusan dikeluarkan. Malah dalam kes ini defendan sebenarnya hanya hadir sekali iaitu diperingkat awal perbicaraan. Defendan juga telah gagal memfailkan penyata pembelaan. Perintah yang dikeluarkan mahkamah telah diposkan secara Pos Berdaftar ke alamat penyampaian defendan. Walau bagaimanapun ia telah dikembalikan tanpa ditandatangani.

Setelah mencuba membuat penyampaian beberapa kali dan gagal juga, plaintif akhirnya telah memohon kepada mahkamah untuk menguatkuasakan perintah menerusi Saman Penghutang Penghakiman di bawah seksyen 175, 176 dan 177 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor 2003. Saman tersebut memerintahkan defendan hadir ke mahkamah pada 27 Januari 2004 untuk diperiksa tentang keupayaan defendan menunaikan penghakiman yang telah dikeluarkan yang masih lagi terhutang. Saman menyatakan dengan jelas, sekiranya defendan gagal hadir, satu perintah untuk menangkap defendan boleh dikeluarkan. Selain itu, suatu perintah pembayaran juga boleh dikeluarkan tanpa kehadiran defendan. Dalam kes ini, walaupun Saman Penghutang Penghakiman telah dikeluarkan, namun ia telah gagal disampaikan ke diri defendan (penghutang penghakiman). Kes ini akhirnya tergantung begitu sahaja dan mengikut rekod peguam di Biro Bantuan Guaman Selangor dan mahkamah, plaintif telah "tawar hati" untuk meneruskan kes. Kes ini berlanjutan dari tahun 1998 hinggalah tahun 2005.<sup>40</sup> Jelas dalam kes ini, perintah masih gagal dilaksanakan.

## KESIMPULAN

Hasil penelitian mendapati kebanyakan prosiding Saman Penghutang Penghakiman (SPP) akan berakhir dengan perubahan perintah iaitu perubahan cara pembayaran (daripada sekaligus/serta-merta kepada ansuran), pengurangan jumlah kadar ansuran ataupun cara ansuran dilaksanakan. Di sini mungkin akan wujud pertentangan antara keperluan plaintif terhadap nafkah "secukupnya" dengan hak budibicara mahkamah. Plaintif selaku pemiutang penghakiman semestinya mengharapkan agar nafkah dapat dibayar sepenuhnya. Sebaliknya berdasarkan peruntukan undang-undang juga mahkamah diberikan kuasa budibicara (sebagaimana yang difikirkan adil) untuk menetapkan kaedah bayaran ataupun jumlah yang benar-benar mampu ditunaikan oleh penghutang penghakiman. Dalam hal ini, bagi pihak mahkamah mungkin ada yang berpendapat adalah lebih baik menentukan jumlah yang mampu dibayar

daripada memerintahkan suatu jumlah yang akhirnya tidak dapat dipatuhi oleh penghutang penghakiman. Namun di pihak plaintif pula, apakah mereka telah diberikan nafkah mereka secara yang "makruf", iaitu suatu jumlah yang mencukupi bagi menampung kos kehidupan harian?

Oleh kerana itu, ada yang membuat penilaian bahawa kaedah Saman Penghutang Penghakiman tidak memberi kelebihan kepada plaintif dan ia tidak begitu sesuai digunakan untuk tindakan penguatkuasaan perintah nafkah. Namun, walau apapun persepsinya di sisi masyarakat, Hakim perlulah menimbang dengan teliti dalam menggunakan kuasa budi bicara yang diberikan kepada mahkamah. Untuk memastikan budi bicara dapat dilaksanakan dengan seadil mungkin kepada kedua-dua pihak, maka pihak-pihak yang bertikai sendiri perlu memberikan kerjasama serta bersikap telus kepada mahkamah dan membantu mahkamah.

Selain itu, untuk memastikan hak Pemiutang Penghakiman terpelihara iaitu menerima nafkah dalam jumlah yang munasabah, adalah dicadangkan agar budibicara Hakim dalam memberi kelonggaran kepada pihak Penghutang Penghakiman untuk mengurangkan kadar ansuran bayaran dihadkan kepada tahap tertentu. Maksudnya, ruang budibicara hakim masih ada tetapi ia perlu mempunyai had tertentu agar kebijakan pihak Pemiutang Penghakiman tetap terjaga. Ia boleh dilaksanakan menerusi Arahan Amalan yang dapat memandu para Hakim dalam membuat pemeriksaan kemampuan semasa Penghutang Penghakiman serta menentukan jumlah minima ansuran nafkah yang patut dilaksanakan.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam menghadapi fenomena kadar kes-kes ingkar perintah nafkah yang tinggi, kaedah Saman Penghutang Penghakiman masih merupakan antara alternatif yang ada kepada pihak-pihak yang terkilan untuk membuat tindakan susulan memastikan perintah mahkamah dipatuhi. Oleh yang demikian kelemahan-kelemahan yang ada perlu dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa agar keadilan dapat dipelihara.

## NOTA

<sup>1</sup> Mohd Radzali Masrum, *Maksim dan Ungkapan Undang-undang*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 2001, hlm 242.

<sup>2</sup> Prosedur bermaksud langkah-langkah rasmi yang mesti dilakukan dalam sesuatu tindakan atau lain-lain prosiding guaman, sivil ataupun jenayah. Ianya tertakluk kepada *lex fori* (undang-undang yang berkaitan dengan prosedur atau formaliti yang berkuatkuasa di sesuatu tempat tertentu). Ia bermaksud cara yang formal dimana prosiding undang-undang dilakukan. Lihat Mohd Razali Masrum, *Maksim dan Ungkapan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 2001, hlm 434.

<sup>3</sup> Prosiding bermaksud suatu tindakan undang-undang. Ia diambil di mahkamah bertujuan memberi keberkesanan terhadap bidangkuasanya. Lihat Syahrman Baharom Shah & Rachel Jaques, *Istilah Undang-undang*. Sweet Maxwell Asia, Kuala Lumpur, 2001, hlm 233.

<sup>4</sup> Prosiding ini mempunyai peruntukan khusus iaitu daripada seksyen 175 – 185 Enakmen Tatacara Mal Syariah Selangor 2003. Saman ini berbeza dengan saman pemula yang biasa dikeluarkan kepada defendan untuk hadir ke mahkamah bagi menjawab tuntutan yang kemukakan ke atasnya. Sebaliknya, Saman Penghutang Penghakiman digunakan ke atas defendan/penghutang penghakiman yang berhutang kepada pemiutang penghakiman (seperti nafkah isteri/ anak) akibat ingkar mematuhi perintah pembayaran wang yang dikeluarkan oleh mahkamah. Ia dikehendaki hadir ke mahkamah untuk diperiksa secara lisan tentang keupayaannya membayar atau menyelesaikan hutangnya dan untuk mendapatkan apa-apa harta yang boleh digunakan untuk membayar hutang itu.

<sup>5</sup> Enakmen Prosedur Mal Syariah (Selangor) 1991, seksyen 132/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Selangor) 2003, seksyen 148 – 151.

<sup>6</sup> Enakmen Prosedur Mal Syariah (Selangor) 1991, S. 134/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Selangor) 2003, seksyen 154.

<sup>7</sup> Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Selangor) 2003, seksyen. 151 dan S. 229; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 1984, seksyen 132/ Enakmen Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 133.

<sup>8</sup> Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Selangor) 2003, seksyen 175-177. Peruntukan Saman Penghutang Penghakiman telahpun ada di dalam enakmen yang lama iaitu Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah (Selangor) 1991 menerusi seksyen 160-162. Namun berdasarkan catatan statistik, tidak ada permohonan dibuat yang kepada Mahkamah sebelum tahun 2003. Ia mungkin berpunca daripada kandungan peruntukan itu sendiri yang terlalu ringkas, menyebabkan tataranya tidak begitu jelas difahami para pengamal undang-undang.

<sup>9</sup> Kes Mal 516/98 – MRS Shah Alam.

<sup>10</sup> Kes Mal 10009 – 024 – 2 – 2003 – MRS Hulu Selangor.

<sup>11</sup> Kes Mal 1372 – 22 – 02 – 2001 – MRS Sepang ; Kes Mal 1372 – 26 – 02 – 2001 – MRS Sepang.

<sup>12</sup> Kes Mal 10011 – 024 – 2 – 2001 – MRS Sabak Bernam.

<sup>13</sup> Lihat juga kes *Normaznah bt M. Ekhwan v Asri bin Atan* (Kes Mal 10003 – 028 – 6 – 2002 – MRS Klang).

<sup>14</sup> Misalnya, Kes Mal 516/98 – MRS Shah Alam, Kes Mal 10009 – 024 – 2 – 2003 – MRS Hulu Selangor, Kes Mal 1372 – 22 – 02 – 2001 – MRS Sepang, Kes Mal 10011 – 024 – 2 – 2001 – MRS Sabak Bernam.

<sup>15</sup> Kes Mal 1341 – 39 – 5 – 1999 – MRS Shah Alam.

<sup>16</sup> Kes Mal 10001 – 024 – 7 – 2003 – MRS Petaling Jaya.

<sup>17</sup> Kes Mal 10001 – 055 – 153 – 2002 – MRS Shah Alam.

<sup>18</sup> Kes Mal 1341 – 39 – 5 – 1999 – MRS Shah Alam.

<sup>19</sup> Semua pilihan terpulang kepada pemohon.

<sup>20</sup> Prosiding ini walaupun melibatkan tindakan penguatkuasaan bagi pembayaran wang, namun ia tidak dimasukkan sekali di dalam seksyen 148. Sebaliknya ia diasingkan dan terdapat peruntukan khusus tentangnya. Prosiding Saman Penghutang Penghakiman (SPP) berbeza dengan saman untuk kehadiran biasa yang meminta defendan hadir ke mahkamah bagi mendengar atau menjawab tuntutan yang dibuat plaintif ke atasnya. Sebaliknya, SPP merupakan peruntukan khusus yang hanya digunakan dalam kes-kes penguatkuasaan perintah pembayaran wang yang tidak dipatuhi. Ia adalah suatu tindakan pasca penghakiman dan bukannya awal perbicaraan. Maksudnya, untuk memulakan suatu prosiding SPP, mestilah ada keingkaran mematuhi perintah asal oleh penghutang penghakiman.

<sup>21</sup> Enakmen Tatacara Mal Syariah (Selangor) 2003, Seksyen 176 (1)

<sup>22</sup> Lihat laporan kes *Noraini Taha v Rizal Szali Omar* [2008] 25 (2) JH 265.

<sup>23</sup> Rekod, dokumen atau buku tersebut akan menjadi asas keterangan kepada Hakim untuk mempertimbangkan apa-apa penjelasan Penghutang Penghakiman berkenaan keupayaannya membayar hutang nafkah. Sekiranya Penghutang Penghakiman enggan atau gagal mengemukakan dokumen yang berkenaan, Hakim akan membuat keputusannya berdasarkan bukti keupayaan sebelumnya.

<sup>24</sup> Tuan Abu Sufian Abu Yaziz, Pegawai Penyelidik Hakim Rayuan JKSM, temubual 23 Mei 2009.

<sup>25</sup> Pemiutang Penghakiman boleh membuat semakan-semakan di institusi-institusi terlibat menerusi surat yang dikeluarkan oleh mahkamah yang kompeten.

<sup>26</sup> Enakmen Tatacara Mal Syariah (Selangor) 2003, seksyen 177(1). Kebiasaannya jika pemiutang penghakiman diwakili peguam, saman ini bolehlah dihantar atau diserahkan sendiri oleh peguamnya. Namun masalah sering berlaku apabila saman tidak dapat disampaikan ke diri penghutang penghakiman.

<sup>27</sup> Pemeriksaan terhadap penghutang penghakiman dan saksi-saksinya (jika ada) hendaklah dilakukan oleh Mahkamah sendiri walaupun pihak-pihak diwakili peguam, secara inquisitorial (penyiasatan) dan kesemua penghutang penghakiman dan saksi hendaklah beriqrar sebelum keterangan diambil. Namun Mahkamah mempunyai kuasa budi bicara untuk membenarkan peguam pihak-pihak untuk menyoal penghutang penghakiman dan membantu Mahkamah.

<sup>28</sup> Enakmen Tatacara Mal Syariah (Selangor) 2003, Seksyen 178(1).

<sup>29</sup> Borang khusus untuk prosiding tangkapan ini belum terdapat di dalam Enakmen Tatacara Mal.

<sup>30</sup> Enakmen Tatacara Mal Syariah (Selangor) 2003, Seksyen 178(2), (3); Biasanya, Saman Penghutang Penghakiman akan berakhir dengan perubahan perintah iaitu perubahan untuk cara bayaran (tunai/sekali gus - ansuran), cara ansuran ataupun jumlah ansuran setelah Mahkamah mendengar rayuan daripada penghutang penghakiman semasa pemeriksaan keupayaannya membayar hutang nafkah.

<sup>31</sup> Dikenali juga dengan Notis Tunjuk Sebab. Menggunakan Borang MS 44, Enakmen Tatacara Mal Syariah (Selangor) 2003. Pemiutang penghakiman juga boleh memulakan tindakan mensabitkan penghutang penghakiman dengan kesalahan menghina mahkamah.



<sup>32</sup> Enakmen. Tatacara Mal Syariah (Selangor) 2003, seksyen 179. Notis Penghakiman yang dikeluarkan itu hendaklah disampaikan ke diri penghutang penghakiman sekurang-kurangnya 7 hari daripada tarikh kehadirannya diperlukan kecuali mahkamah memerintahkan sebaliknya-Seksyen 180.

<sup>33</sup> Prosiding pengkomitan di sini berbeza dengan prosiding pengkomitan di bawah seksyen 151. Ianya khusus untuk prosiding Saman Penghutang Penghakiman. Pengkomitan di bawah seksyen 151 tidak menyatakan tempoh komitan.

<sup>34</sup> Oleh kerana itulah prosiding SPP biasanya tidak sampai kepada tahap pengkomitan apabila penghutang penghakiman membuat rayuan untuk mengurangkan ansuran ataupun cara bayaran. Ini kerana matlamat asal SPP lebih kepada untuk mencari jalan, bagaimana hutang itu dapat ditunaikan.

<sup>35</sup> Enakmen Tatacara Mal Syariah (Selangor) 2003, seksyen 181. Dengan adanya peruntukan ini bermakna tindakan mengkomitkan ke penjara bukanlah suatu yang mesti dilakukan oleh mahkamah. Sebaliknya mahkamah masih diberikan pilihan untuk mengulangi langkah-langkah sebelumnya seperti yang diperuntukkan menerusi seksyen 178. Dari segi amalan di mahkamah sendiri, hakim tidak terikat untuk menghadkan bilangan rayuan bagi mengurangkan kadar ansuran atau cara bayaran. Bagi mahkamah, apa yang penting ialah, bagaimana nafkah itu dapat dibayar sewajarnya. Namun jika diamati, masalah tetap akan timbul jika terlalu banyak peluang diberikan. Ini berkaitan dengan soal budibicara mahkamah. Berdasarkan soal selidik yang dilakukan, terdapat responden mengakui bahawa terdapat hakim yang tidak tegas dalam tindakan termasuk untuk membuat perintah pengkomitan. Bagi hakim, mereka secara sah menggunakan peruntukan yang diberikan demi menegakkan keadilan dan memberi peluang kepada penghutang penghakiman. Tetapi bagi pihak-pihak yang pemiutang penghakiman atau wakilnya (peguam syarie), jika terlalu banyak peluang diberikan kepada penghutang penghakiman, ia akan melengahkan tindakan. Mereka mendakwa, dalam kebanyakan kes, pihak penghutang penghakiman sengaja melengahkan bayaran dengan membuat rayuan mengurangkan ansuran beberapa kali (semasa pemeriksaan keupayaan untuk membayar hutang nafkah dilakukan) dan ianya diluluskan oleh mahkamah. Lihat Zaini Nasohah, *Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah: Kajian di Mahkamah Syariah Selangor (1999 – 2004)*, Akademi Pengajian Islam UM, 2007.

<sup>36</sup> Enakmen Tatacara Mal Syariah (Selangor) 2003, seksyen 185.

<sup>37</sup> Dari segi amalan, bayaran dibuat kepada Mahkamah bukan pegawai penjara.

<sup>38</sup> Enakmen Tatacara Mal Syariah (Selangor) 2003, seksyen 183.

<sup>39</sup> Kes Mal 516 – 1998 – MRS Shah Alam.

<sup>40</sup> Rujuk juga kes *Pazidah bt. Ibrahim v Nozli bin Abdullah* – Kes Mal 10009 – 037 – 123 – 2004 – MRS Hulu Selangor.

## RUJUKAN

- Mohd Radzali Masrum 2001. *Maksim dan Ungkapan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Syahrman Baharom Shah & Rachel Jaques. 2001. *Istilah Undang-undang*. Kuala Lumpur: Sweet Maxwell Asia.
- Zaini Nasohah. 2007. *Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah: Kajian di Mahkamah Syariah Selangor (1999 – 2004)*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM.

Dr. Zaini Nasohah  
Profesor Madya  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Felo Kanan  
Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor.  
Emel: zbn@ukm.my

Dr. Suwaid Tapah  
Profesor Madya  
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam  
Universiti Teknologi MARA  
Kota Kinabalu  
Emel: suwaid@sabah.uitm.edu.my